

09/07/2001

Tumpu pelajaran atau disingkir: Dr Mahathir (HL)

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang didapati terbabit dalam gerakan menentang kerajaan, akan disingkir.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan mengenakan syarat seperti itu kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti kerana ramai pelajar, terutama Melayu, terbabit dalam gerakan antikerajaan.

"Jika tidak tumpu pada pelajaran, mereka akan dikeluarkan dari universiti.

"Saya berasa amat sedih, nampak seolah-olah pelajar Melayu, pelajar lain tak ada masalah, menjadikan universiti untuk bergerak dalam bidang politik yang tertumpu kepada aktiviti menentang kerajaan," katanya mengulas kegiatan pelajar universiti yang semakin agresif sekarang.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau tahap kemajuan projek pembangunan di sini, Dr Mahathir berkata beliau mendapati kegiatan pelajar kini semakin rancak dan kadang-kadang di luar batasan serta mengancam keselamatan negara.

Jumaat lalu, polis menahan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya (MPPUM), Mohamad Fuad Ikhwan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana disyaki terbabit dalam kegiatan yang menggugat keselamatan dan ketenteraman negara.

Sehari sebelum itu, pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM), Khairul Anwar Ahmad Zainuddin, turut ditahan mengikut akta sama.

Dr Mahathir berkata, pemilihan ke universiti pada masa depan hanya untuk mereka yang benar-benar mahu belajar, bukannya mereka yang menumpukan perhatian kepada kegiatan tidak berfaedah.

"Mungkin pada masa akan datang, kita akan pilih mereka yang masuk universiti hanya mereka yang nak belajar di universiti. Kalau mereka tidak tumpu kepada pelajaran, maka mereka akan dikeluarkan dari universiti.

"Mereka tidak langsung menghirau perbelanjaan yang banyak untuk kepentingan mereka, sebaliknya menganggap universiti sebagai pusat untuk mereka menggemblengkan pelajar menentang kerajaan semata-mata.

"Jadi, apa guna kita belanja wang yang banyak kalau mereka tidak mahu belajar," katanya sambil menambah, kerajaan berpendapat masanya sudah tiba untuk menangani masalah itu.

Mengenai Belanjawan 2002, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan menumpukan perhatian kepada pelaburan dalam negara bagi memastikan teras pembangunan adalah untuk faedah rakyat.

Katanya, pembabitan pengusaha dalam negara perlu diberi tumpuan kerana kerajaan mengenal pasti banyak bidang pembuatan boleh dilakukan oleh syarikat tempatan.

"Kita tidak boleh berharap pelaburan asing kerana sekarang tidak banyak. Yang ada pun lebih tertumpu ke negara China kerana di sana lebih murah daripada negara kita.

"Jadi, kita sekarang nak tumpu kepada pelaburan dari dalam negeri," katanya.

Ditanya sama ada belanjawan itu 'belanjawan rakyat' atau 'belanjawan korporat', beliau berkata: "Tak ada apa nak bagi nama. Tiap-tiap tahun kita dok bagi nama dan apa yang pasti ia adalah (ke arah) pembangunan negara untuk rakyat."

(END)